

**Malaysia-China jalin kerjasama
Utusan Online
14 September, 2012
Oleh HASHNAN ABDULLAH**

PUTRAJAYA 13 Sept. - Malaysia dan China bersetuju menumpukan empat bidang utama dalam memerangi jenayah rentas sempadan antara kedua-dua negara iaitu sindiket pemerdagangan manusia, narkotik, keganasan dan jenayah siber.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata, ini kerana kesemua jenayah tersebut bukan hanya berkait secara langsung dengan apa yang berlaku dalam negara, tetapi memerlukan kerjasama serantau untuk memeranginya.

Beliau berkata, ia juga merupakan perkara pokok yang boleh menjejaskan aspek keselamatan negara di rantau ini.

"Sindiket yang terlibat bukan sahaja bergerak di negara masing-masing, tetapi mereka turut memiliki rangkaian di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Ia juga bukan hanya melibatkan sejumlah besar wang tetapi golongan jenayah tersebut sanggup melakukan apa sahaja demi untuk mengaut keuntungan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Keselamatan Awam China, Zhang Jufen di sini hari ini.

Kerjasama tersebut adalah hasil daripada persetujuan Malaysia dan China yang menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) sebagai satu usaha berterusan dalam memerangi jenayah rentas sempadan antara kedua-dua negara terbabit pada 2 Ogos lalu.

Hishammuddin bagaimanapun menegaskan, pemilihan empat jenis jenayah itu bukanlah disebabkan wujud peningkatan mendadak kes melibatkannya.

"Sebaliknya, ia adalah ancaman masa depan yang berpunca daripada isu globalisasi dan kita kena bersedia untuk menghadapi daripada sekarang.

"Malah ia juga untuk memaklumkan kepada para penjenayah bahawa kita tidak menghadapi mereka secara sendiri," katanya.

Menyentuh pertemuan itu, beliau yang berpuas hati dengan perkembangan kerjasama tersebut, menyifatkannya amat penting kepada Malaysia memandangkan China memiliki jumlah penduduk yang besar.

"China adalah negara besar di rantau ini dan sudah tentu kita tidak boleh mempedulikan kehadirannya," katanya.

Artikel

Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120914/dn_21/Malaysia-China-jalin-kerjasama#ixzz2FIL4rffj

© Utusan Melayu (M) Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam Negeri/20120914/dn_21/Malaysia-China-jalin-kerjasama](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120914/dn_21/Malaysia-China-jalin-kerjasama)